

04/02/1998

Perjumpaan perjelas saranan Dr Mahathir

KOTA BHARU, Selasa - Badan Perhubungan Umno negeri akan mengadakan perjumpaan dengan semua cawangan Umno di 14 bahagian bagi menjelaskan saranan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung tiada pertandingan bagi jawatan ketua bahagian.

Perjumpaan itu akan diadakan pada 5 hingga 7 Februari ini bagi memastikan semua ahli Umno tidak keliru dengan saranan Presiden selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berhubung perkara itu.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa, berkata ini berikutan ada ahli Umno yang tidak faham dan sikap sesetengah pihak sengaja enggan memahami saranan Dr Mahathir mengenai keputusan yang dibuat menerusi mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri pada 26 Januari lalu.

Katanya, proses penjelasan dan rundingan peringkat awal oleh anggota dan wakil Badan Perhubungan Umno negeri diharap dapat diselesaikan sebelum 8 Februari ini.

"Dengan penjelasan itu, kita harap proses rundingan peringkat awal dapat diselesaikan dan mencapai keputusan di semua bahagian sebelum 8 Februari.

"Ini bagi membolehkan saya menyerahkan laporan lengkap kepada Dr Mahathir tujuh hari selepas hari raya seperti diarahkan," katanya di sini, hari ini.

Beliau yang juga ketua Umno bahagian Peringat berkata, semua cawangan Umno diharap melaksanakan keputusan tiada pertandingan itu mengikut persetujuan bersama.

Mesyuarat agung Umno peringkat cawangan dijangka bermula pada 15 Februari ini.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, semua ketua Umno bahagian akan membuat beberapa perakuan bertulis berasaskan keputusan rundingan berhubung penyusunan barisan pimpinan di bahagian masing-masing.

"Apa yang penting sekarang ialah semua pihak perlu memperbanyakkan usaha berunding dan meningkatkan perpaduan," katanya.

(END)